

**SOALAN-SOALAN LISAN
MESYUARAT PERTAMA TAHUN KEDUA
DEWAN NEGERI YANG KELIMA BELAS
PERAK DARUL RIDZUAN**

PADA HARI SELASA, 27 FEBRUARI 2024

1. YB PUAN WONG CHAI YI (SIMPANG PULAI)

Program Perumahan Rakyat (PPR)

- a. Berapakah jumlah pemohon yang masih menunggu giliran mendiami dan usaha untuk memendekkan tempoh menunggu ?
- b. Minta nyatakan jumlah tunggakan sewa perumahan PPR di negeri Perak dan usaha yang dilakukan bagi tangani penyewa yang culas membayar sewa?
- c. Apakah usaha kerajaan negeri untuk menambahbaikkan kemudahan di PPR?

2. YB DR NAJIHATUSSALEHAH BINTI AHMAD (BOTA)

Apakah usaha kerajaan bagi memastikan penanaman padi di kawasan Bota Parit ditingkatkan selaras dengan pengumuman kerajaan Pusat untuk menjadikan penghasilan Padi kepada 5 kali untuk 2 tahun?

- i. Berapa ramaikah penanam padi yang terlibat dalam usaha rintis penanaman padi 5 kali untuk bagi negeri Perak?
- ii. Apakah usaha yang dilakukan oleh kerajaan negeri Perak bagi memastikan benih2 padi yang dibekalkan adalah berkualiti dan sampai pada waktunya?

3. YB PUAN SALINA BINTI SAMSUDIN (BEHRANG)

Senaraikan kelulusan permohonan Kursus NPQEL (Program Kelayakan Professional Pemimpin Pendidikan Kebangsaan) bagi setiap daerah bagi tahun 2023 mengikut pengisian peringkat jabatan,ppd dan sekolah.

4. YB ENCIK MOHD AKMAL BIN KAMARUDIN (SELAMA)

Sebagaimana yang diumumkan YB Dr Zulkefly Menteri Kesihatan pada 23 Dis 2023 jumlah Kes Covid-19 meningkat kepada 22,413 (Naik 29.5%).

1. Mohon YB Exco nyatakan berapakah bilangan kes Covid semasa di negeri Perak, dan apakah langkah-langkah kerajaan untuk meningkatkan kesedaran dan persediaan rakyat menghadapi peningkatan kes ini?

5. YB ENCIK CHAW KAM FOON (MENGLEMBU)

Capaian internet dalam Dun Menglembu.

- a) Adakah terdapat rancangan bagi membangunkan infrastruktur lebih banyak bagi meningkatkan serta memperbaiki capaian Internet di kawasan ini?

6. YB ENCIK GOH SEE HUA (PASIR PINJI)

Negeri Perak merupakan negeri yang mempunyai bilangan terbesar kampung Baru Cina berbanding dengan negeri lain. Apakah usaha kerajaan negeri untuk membangunkan atau mengintegrasikan ekonomi dan kebajikan kampung kampung tersebut?

7. YB ENCIK ISHSAM BIN SHAHRUDDIN (AYER KUNING)

PERAK SEJAHTERA 2030 MEMBERIKAN KELEBIHAN KEPADA BANYAK PIHAK TERMASUK MASYARAKAT SETEMPAT MELALUI PERANCANGAN RAPI SEDIA ADA BAGI MENUJU TAHUN 2030.

1. APAKAH PERANCANGAN KHUSUS DALAM MASA TERDEKAT BAGI MASYARAKAT DI DAERAH BATANG PADANG TERUTAMANYA DUN AYER KUNING UNTUK MENIKMATI LIMPAHAN EKONOMI DARIPADA PERANCANGAN SEDIA ADA?

2. APAKAH TERDAPAT RANCANGAN BAGI MELIBATKAN KAWASAN AYER KUNING DENGAN PERINDUSTRIAN PELANCONGAN BAGI MENARIK LEBIH RAMAI PENGUNJUNG KE KAWASAN AYER KUNING

8. YB ENCIK TIW TEE SIANG (TRONOH)

Apakah pelan perancangan kerajaan negeri bagi penyelenggaraan jalan berlubang dan jalan yang tidak rata bagi negeri Perak seperti yang disarankan oleh Kementerian Perumahan & Kerajaan Tempatan?

Berapakah jumlah kemalangan yang berlaku disebabkan keadaan jalan yang tidak sempurna di dalam negeri Perak?

Sila nyatakan pelan perancangan bagi penurapan semula jalan bagi Daerah Kinta khususnya Majlis Bandaraya Ipoh dan Majlis Daerah Batu Gajah.

9. YB ENCIK MOHAMAD AMIN BIN ROSLAN (PENGKALAN HULU)

Sektor pelancongan di kawasan Pengkalan Hulu.

- a) Apakah tindakan daripada kerajaan negeri untuk merancakkan sektor pelancongan di kawasan Pengkalan Hulu yang kaya dengan nilai sejarah?
- b) Nyatakan bentuk peruntukan yang diberikan untuk merancakkan sektor pelancongan sejarah di kawasan Pengkalan Hulu bersempena dengan Tahun Melawat Perak 2024?

10. YB ENCIK MOHD HAFEZ BIN SABRI (MANJOI)

TARAHAN TANAH DI TAMAN MERU 2B.

- a) Apakah usaha kerajaan dalam mengatasi hakisan tanah yang masih berlaku di Taman Meru 2B?
- b) Apakah usaha kerajaan dalam membaik pulih semula sistem saliran akibat air lumpur yang terus melimpah ke perumahan penduduk apabila hujan lebat?
- c) Apakah usaha kerajaan terkini dalam mengatasi aktiviti pertanian haram yang masih lagi dijalankan di Taman Meru 2B?

11. YB DR NAJIHATUSSALEHAH BINTI AHMAD (BOTA)

Nyatakan kawasan di Negeri Perak yang terdapat populasi miskin tegar yang tinggi di Negeri Perak?

- i) Apakah tindakan intervensi yang telah dilakukan untuk membantu rakyat miskin tegar yang tidak mempunyai rumah, malah tidak mempunyai tanah untuk memohon sebarang skim perumahan yang disediakan?

12. YB ENCIK BERHANUDIN BIN AHMAD (MANONG)

Penilaian Impak Sosial (SIA - Social Impact Assessment) merupakan antara elemen penting untuk mencapai Matlamat Pembangunan Mampan (SDG - Sustainable Development Goals) dalam setiap pembangunan projek. SIA merupakan sub unit kepada Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA - Environmental Impact Assessment).

Bagaimana pihak kerajaan memastikan SIA dilaksanakan secara ilmiah dan melalui semua proses penilaian yang digariskan?

- a) Apakah langkah-langkah pemantauan dan kawalan yang dilakukan oleh pihak Jabatan Alam Sekitar (JAS) untuk memastikan pelaksanaan projek penebangan hutan mematuhi laporan SIA dan EIA?

- b) Adakah pihak kerajaan telah meminda semula kelulusan had tebang 30 cm kepada kelulusan tebang habis bagi projek mengeluarkan kayu balak seluas 659 ekar di Mukim Senggang, Kuala Kangsar?

13. YB KAPT(B) DATO' MOHD NAJMUDDIN BIN ELIAS (BATU KURAU)

Memohon pihak PDRM khususnya IPK Selama yang menjadi rungutan penduduk penduduk di Batu Kurau tentang tindakan saman yang berleluasa khususnya kepada penduduk kampung.

14. YB DATO' ZAINOL FADZI BIN PAHARUDIN (SUNGAI MANIK)

Apakah perancangan kerajaan Negeri Perak bagi industri Kopi di Negeri Perak dapat dilestarikan kerana umumnya hari ini kedai-kedai kopi tumbuh seperti cendawan di Negeri dapat diselaraskan dalam Tahun Melawat Perak 2024?

15. YB ENCIK AZMAN BIN NOH (PENGKALAN BAHARU)

Silveritage di Medan Gopeng dahulunya di rancang utk di jadikan sebagai salah satu Hub Pelancongan di Bandar Ipoh. Banyak belanja telah di dikeluarkan oleh PKNP selaku pemilik bangunan tersebut di buat semata mata untuk menjadikan tempat tersebut menjadi tempat persinggahan pelancong dan orang ramai.

Soalan saya.

- a) Adakah dengan dengan memberi penyewaan kepada satu syarikat motosikal untuk di jadikan bengkel dan pusat jualan motosikal menepati matlamat seperti yang di harapkan?
- b) Adakah perancangan PKNP terhadap Bangunan Megoplex yang terletak bersebelahan dengan Silveritage yang sudah lama terbiar tidak di gunakan itu?

16. YB PUAN BAVANI A/P VERAIAH (MALIM NAWAR)

INTEGRASI KAUM

- a) Nyatakan program-program integrasi kaum yang telah dilaksanakan di negeri Perak bagi tahun 2023.
- b) Adakah usaha kerajaan negeri dalam mempergiatkan konsep integrasi kaum dalam kalangan rakyat di negeri Perak?
- c) Adakah Kerajaan negeri bercadang untuk mengadakan program secara besar-besaran dalam meraikan perpaduan/integrasi kaum di negeri Perak?

17. YB DR HASHIM BIN BUJANG (*BUKIT CHANDAN*)

Apakah perancangan JKR dalam memastikan kesesakan lalulintas di kawasan bandar Kuala Kangsar dapat dikurangkan terutamanya pada musim perayaan dan cuti umum?

18. YB ENCIK AHMAD BIN MAN (*KUALA SEPETANG*)

Isu lalat di Kg Jaha Matang dan Kg Pdg Besar Ckt Jering berikutan perusahaan ayam yang berdekatan dengan kampung apakah tindakan kerajaan menangani isu lalat yang mengganggu penduduk Kg Jaha Matang dan Kg Pdg Besar Ckt Jering?

19. YB ENCIK NOOR AZMAN BIN GHAZALI (*ALOR PONGSU*)

Apakah status Tanah Tol Kampung Matang Merbau?
Adakah akan dikeluarkan geran tanah, kerana sekarang sudah ditunda hingga generasi yang kedua?

20. YB PUAN THULSI THIVANI A/P MANOGARAN (*BUNTONG*)

Kejadian banjir yang disebabkan oleh musim hujan yang dibawa oleh monsoon Timur Laut pada hujung tahun lepas telah menyebabkan kerugian yang membimbangkan kepada masyarakat yang terkesan.

- a) Apakah perancangan terperinci kerajaan negeri untuk memastikan sistem saliran terutama di Ipoh dapat menampung jumlah air hujan yang kian meningkat supaya risiko banjir dapat dikurangkan?
- b) Apakah langkah-langkah pembangunan infrastruktur yang akan menambah baik sistem saliran di kawasan-kawasan berisiko banjir?

21. YB ENCIK RAHIM BIN ISMAIL (*CHANGKAT JERING*)

Apakah tindakan kerajaan untuk mengatasi masalah anjing liar dan kera yang sejak akhir-akhir ini sering mengganggu penduduk-penduduk terutama di DUN Changkat Jering?

22. YB ENCIK CHOONG SHIN HENG (*CHENDERANG*)

Masalah kesesakan lalu lintas di Pekan Tapah

- a) Apakah rancangan jangka pendek dan jangka panjang Kerajaan menyelesaikan masalah kesesakan lalu lintas di Pekan Tapah?

23. YB ENCIK SALLEHUDDIN BIN ABDULLAH (SELINSING)

Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Nahrim, diramalkan bahawa akan berlaku kemarau panjang yang dijangkakan pada 2025 - 2035. Apakah pelan atau langkah-langkah "contingency" dan mitigasi yang dirancang kerajaan bagi memastikan sekuriti makanan terutama pengairan padi dan kelestarian air bagi menghadapi fenomena ini?

24. YB DR ABDUL AZIZ BIN BARI (TEBING TINGGI)

Adakah usaha untuk mencapai sasaran 'zero kemiskinan tegar' pada akhir tahun 2023 telah tercapai?

25. YB ENCIK MUHAMMAD FAISAL BIN ABDUL RAHMAN (TRONG)

Terdapat banyak lampu jalan kampung yang sudah rosak di Dun Trong. Apabila dibuat aduan 15454 careline tiada tindakan yang diambil oleh pihak TNB. Apakah usaha kerajaan bagi menangani masalah ini?

26. YB ENCIK CHEAH POU HIAN (JELAPANG)

Penularan COVID-19 yang semakin meningkat baru-baru ini dengan susulan kes baharu yang mencecah paras tinggi pada bulan Disember yang lepas telah membawa kebimbangan kepada orang ramai. Bagi mengekang gelombang baharu seperti yang dijangka,

- a) Apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh kerajaan negeri selepas ini, terutamanya di tempat-tempat atau aktiviti-aktiviti yang mana orang ramai akan berkumpul?
- b) Adakah fasiliti perubatan Perak pada masa kini mampu menampung peningkatan yang mendadak? Apakah kadar dan berapakah jumlah kes yang berlaku sepanjang tahun 2023?

27. YB ENCIK ROSLI BIN ABD RAHMAN (PASIR PANJANG)

Apakah 'solusi menang-menang' (win-win solution) yang akan dikemukakan oleh Kerajaan Negeri kepada penduduk yang membantah tindakan Kerajaan membenarkan perlombongan di sekitar Kampung Tersusun Air Kuning, Kampung Gajah?

28. YB PUAN THULSI THIVANI A/P MANOGARAN (BUNTONG)

Salah satu manfaat pelaburan asing adalah pemindahan teknologi dan teras ini merupakan antara teras utama dalam Pelan Perak Sejahtera 2030. Apakah projek-projek pelaburan asing yang akan membawa manfaat pemindahan teknologi kepada negeri Perak dan bagaimanakah proses pemindahan teknologi ini dapat dimanfaatkan secara optimum?

29. YB ENCIK ONG SENG GUAN (POKOK ASSAM)

Antara langkah untuk memajukan mutu sukan negara adalah menyediakan infrastruktur sukan yang lengkap. Namun , bandar Taiping yang telah berusia 150 tahun masih belum mempunyai sebuah stadium mini mahupun balapan .

- a) Adakah kerajaan negeri mempunyai perancangan tersebut di bandar Taiping?
- b) Dalam keadaan yang kekurangan infrastruktur sukan di Taiping, apakah cadangan alternatif kerajaan negeri untuk jangka masa pendek dan panjang ?
- c) Apakah usaha kerajaan negeri dalam pembangunan sukan negeri Perak khususnya pada tahun 2024?

30. YB PUAN NORHASLINDA BINTI ZAKARIA (PANGKOR)

Bertanya kepada kerajaan adakah semua pihak berkuasa tempatan di Perak cakna tentang kegiatan warga asing yang menjalankan perniagaan tanpa lesen di premis atau secara Ali Baba?